

HARTA SEPENCARIAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Oleh:

***HJ TAUFIQ MUSADDAD BIN HJ AHMAD
PENOLONG PENGARAH KANAN***

PUSAT KEWANGAN DAN EKONOMI ISLAM

ILIM

PENDAHULUAN

- Umat Islam semakin berkembang pesat dari masa ke semasa baik spiritual maupun material.
- Bidang Ekonomi masyarakat juga semakin berkembang dengan kemudahan simpanan dan pelaburan.
- Masyarakat islam sekarang memperoleh dan memiliki harta kekayaan melebihi daripada zaman dahulu

MATRIMONIAL PROPERTY

- MATRIMONIAL PROPERTY adalah Harta Sepencarian berdasarkan peruntukan Undang-undang yang asalnya daripada Adat Melayu yang jelas tidak ada pertembungan / bertentangan dengan Undang-undang Syara' dan ianya sesuai dengan Ma'qasid al-Syarie' dan akhirnya di Tanah Melayu / Malaysia diguna pakai sebagai Undang-undang islam.

DALIL SYARA

- Firman Allah Swt Surah an-Nisa' ayat 32
- ولا تتمنوا ما فضل الله به بغضكم علي بعض للرجال نصيب
- مما اكتسبوا وللنساء نصيب مما اكتسبن وسألوا الله من فضله ان الله كان بكل شيء عليما
- “ Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang telah dikurniakan Allah kepada sebahagian kamu lebih banyak daripada sebahagian yang lain kerana bagi lelaki ada bahagian dari apa yang diusahakannya dan

Bagi perempuan pula ada
bahagian dari apa yang mereka

Usahakan Dan mohonlah kepada Allah
sebahagian daripada kurniannya Sesungguhnya
Allah Maha Mengetahui segala sesuatu

KAPAN HS BISA DITUNTUT

- 1.BERLAKU PENCERAIAN
- 2.BERLAKU KEMATIAN
- 3.SUAMI MOHON KAHWIN LAGI DAA.....

HAK ISTERI APABILA BERCERAI

- 1.MUT'AH
- 2.NAFKAH I'DAH
- 3.HADHANAH
- 4.NAFKAH ANAK
- 5.HARTA SEPENCARIAN
- 6.TUNGGAKKAN HUTANG

DEFINISI

- Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Johor, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Terengganu, Melaka, Pahang, Perak, Selangor, Perlis dan Kelantan mendefinisikan harta sepencarian sebagai **“Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak”**.

Sambungan....

- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan mendefinisikan sebagai ***“Harta yang diperoleh oleh suami isteri sama ada secara langsung atau secara tidak langsung semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak.”***

Sambungan...

- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kedah tidak menyatakan definisi khusus harta sepencarian hanya memperuntukan apabila berlaku perceraian mahkamah boleh memerintahkan supaya apa-apa aset yang diperolehi bersama oleh kedua-dua pihak atau usaha tunggal dalam masa pernikahan dibahagi antara mereka.

DEFINISI MENURUT PENGAMAL UNDANG-UNDANG DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH

- *Kes Hajah Lijah bt. Jamal lwn. Fatimah bt. Mat Diah*, Hakim Briggs berpendapat harta sepencarian ialah harta yang diperolehi semasa perkahwinan antara suami isteri hasil daripada sumber-sumber mereka berdua atau hasil daripada usaha mereka bersama.

Sambungan...

- Harta Sepencarian = Harta Syarikat
- *Kes Wan Mahatan lwn. Haji Abdul Samat*, Kadi Larut telah memberi keterangan bahawa mengikut undang-undang Islam soal tebus talak tidak menyentuh harta syarikat. Semua harta yang diperolehi bersama semasa berkahwin hendaklah dibahagi kepada dua bahagian dan satu bahagian diberi kepada setiap pihak.

Sambungan...

- Prinsip-prinsip harta syarikat dalam Undang-undang Islam menurut Kadi Larut ialah:
 1. Seorang itu berkahwin dan pada masa itu dia dan isterinya tidak mempunyai harta; selepas berkahwin dengan usaha mereka bersama, mereka memperolehi harta; harta sedemikian hendaklah dibahagi dua.
 2. Seseorang berkahwin dan ketika itu suami isteri itu tidak mempunyai harta; selepas berkahwin mereka memperolehi harta tetapi bkn dengan usaha bersama, misalnya berniaga manakala isteri lebih ringan kerjanya berbanding dengan suami, harta sedemikian hendaklah dibahagi tiga; dua bahagian untuk suami dan satu bahagian untuk isteri.

Sambungan...

- *Kes Piah binti Said Iwn. Che Lah bin Awang.*
Kadi Besar Pulau Pinang mentakrifkan istilah harta sepencarian sebagai harta yang diperolehi bersama semasa berkahwin menerusi usaha bersama kedua-dua pihak.
- Ini berlaku dalam kes apabila kedua-dua pihak bekerja dalam satu pekerjaan yang sama atau sebaliknya dan sama ada sumbangan itu dibuat secara rasmi atau tidak.

Sambungan...

- *Kes Boto bt. Taha Iwn. Jaafar bin Muhammad* – harta yang diperolehi semasa perkahwinan antara suami isteri hasil dari usaha bersama secara langsung atau tidak langsung.
- Hakim Besar Salleh Abbas menyatakan “*seorang isteri yang telah dicerai berhak secara automatik kepada satu pertiga bahagian harta yang diperolehi suami isteri itu semasa berkahwin. Hak satu pertiga itu automatik kerana isteri itu tidak perlu membuktikan apa-apa sumbangan selain perkahwinan tersebut.*”

- *Kes Zainuddin lwn. Anita*, Mahkamah Rayuan Syariah Selangor menghuraikan secara terperinci undang-undang Islam mengenai harta sepencarian seperti berikut:

“Apabila suatu harta itu diperolehi semasa tempoh perkahwinan, dan kedua-dua pihak berselisih faham tentang sumbangan mereka:

- 1. Jika ada keterangan yang mencukupi untuk membuktikan sumbangan org yang menuntut, maka dia berhak mendapatkan bahagiannya mengikut kadar sumbangan itu;*

Sambungan...

2. *Jika tidak ada keterangan membuktikan sumbangan itu, kedua-dua pihak hendaklah bersumpah dan selepas itu harta itu dibahagi dua. Jika kedua-dua pihak enggan bersumpah, harta itu juga dibahagi dua. Jika hanya satu pihak yang bersumpah, manakala pihak lain enggan, kesemua harta diberi kepada pihak yang bersumpah. Jika salah satu pihak atau kedua-duanya telah meninggal dunia sumpah itu hendaklah dibuat oleh waris si mati.*

Sumbungan...

- 3. Jika ada adat yang mengikatnya, satu pihak itu memberi sumbangan melebihi sumbangan pihak lain, pembahagian itu hendaklah dibuat berasaskan adat itu. Jika kedua-dua pihak tidak bersetuju, pembahagian hendaklah dibuat mengikut prinsip (1) dan (2) di atas.*

KEDUDUKAN HARTA SEPENCARIAN DALAM ADAT MELAYU

- Adat Perpatih “carian laki bini”.
- Pembahagian harta carian laki bini apabila berlaku perceraian adalah sama rata iaitu dibahagi dua.
- Apabila berlaku kematian tanpa meninggalkan anak ke semua harta carian laki bini diberikan kepada yang hidup sesuai dengan kata-kata adat:
Carian bahagi,
Mati laki tinggal ke bini,
Mati bini tinggal ke laki.
- Kes *Hasmah lwn. Jalil* telah diputuskan bahawa harta carian laki bini dibahagi dua antara suami isteri apabila berlaku perceraian.

Sambungan...

- Adat Temenggong “harta sepencarian”.
- Sebelum merdeka, para hakim Inggeris memutuskan kes harta sepencarian merujuk kepada pemakaian adat setempat orang Melayu. Kes *Robert Iwn. Boto'* harta yang dipertikai dianggap sebagai harta sepencarian. Keputusan itu berdasarkan kepada anggapan bahawa ia adalah satu adat bukan hukum syarak.

KEDUDUKAN HARTA SEPENCARIAN DALAM ISLAM

- Kaedah fiqh adat yang diakui sebagai hukum dan uruf itu diiktibarkan oleh syarak.
- Bersandarkan kepada *Masalih al-Mursalah*
- Memelihara kemaslahatan atau kepentingan kedua-dua pihak dalam memelihara harta.
- Firman Allah dalam surah *An-Nisa'* ayat 32:
“Orang-orang lelaki beroleh bahagian daripada usahanya dan orang-orang perempuan beroleh bahagian daripada usahanya juga.”

للرجال نصيب مما اكتسبوا وللنساء نصيب مما اكتسبن

Sesuatu uruf apabila diperakui baik dan sesuai oleh undang undang kedudukannya, maka ia menjadi peraturan yang perlu dipatuhi.

- Hadis: *“Apa-apa yang dipandang baik oleh orang Islam baik juga di sisi Allah dan perkara yang dilihat buruk oleh orang Islam maka demikian juga di sisi Allah.”*

ما رآه المسلمون حسنا فهو عند الله الحسن وما رآه المسلمون
السيئاً فهو عند الله السيئاً

رواه أبي داود

- Faktor-faktor Yang Boleh Menuntut Harta Sepencarian:
 - i. Perceraian
 - ii. Kematian
 - iii. Poligami

JENIS-JENIS HARTA SEPENCARIAN

USAHA BERSAMA

Mahkamah mengambil perhatian kepada:

- i. Banyaknya sumbangan yang telah dibuat oleh setiap pihak dalam bentuk wang, harta atau kerja bagi memperoleh aset tersebut;
- ii. Sebarang hutang yang masih ditanggung oleh salah satu pihak yang dibuat atas tujuan usaha sama;
- iii. Keperluan anak-anak yang belum dewasa hasil daripada pernikahan tersebut jika ada.

Sambungan...

- **Contoh kes: *Wan Mahatan Iwn Haji Abdul Samat.***
 - Bekas isteri tuntutan $\frac{1}{2}$ harta
 - Bekas suami menafikan-isteri melepaskan hak tersebut untuk mendapatkan tebus talak.
 - Kadi- permohonan tebus talak tidak memberi kesan terhadap hak ke atas harta sepencarian.
 - Isteri berhak mendapat $\frac{1}{2}$ daripada setiap keping tanah.

USAHA TUNGGAL

Mahkamah mengambil perhatian kepada:

- i. Banyaknya sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memiliki aset kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumah tangga atau menjaga keluarga;
- ii. Keperluan anak yang belum dewasa, jika ada.

Sambungan....

- Mahkamah boleh membahagikan aset tersebut atau hasil jualannya mengikut kadar yang munasabah dengan syarat pihak yang memperoleh aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih tinggi.

Sambungan...

- **Contoh kes: *Tengku Anun Zaharah lwn Dato' Dr. Hussein***

➤ “Dalam hujah penentang, semua harta yang didapati mahupun berupa tanah, rumah dan kedai selama bersuami isteri , pemohon tidak ada memberi apa-apa sumbangan, baik berupa wang atau tenaga...walaupun demikian, mahkamah berpendapat pemohon ada memberi sumbangan sekalipun tidak berupa wang tetapi sumbangan secara moral, sebab penentang meningkat perniagaan adalah atas kepercayaan orang ramai dan mendapat gelaran dato' dengan cepat adalah berpunca daripada perkahwinan dengan keluarga Diraja. Dengan demikian penentang tidak boleh menafikan sama sekali yang pemohon mahkamah patut diberi hak untuk jaminan hidup pada masa akan datang...”

KADAR HARTA SEPENCARIAN

- Tiada ketetapan kadar tertentu bergantung kepada keputusan mahkamah dengan melihat kepada takat sumbangan pemohon.
- Di Kedah *kes Wan Nab lwn. Jasin*- bahagian isteri $\frac{1}{3}$.
Kes Habsah bt. Mat lwn. Abdullah b. Jusoh- isteri dapat $\frac{1}{2}$.
- Di Terengganu *Mohamed lwn. Commissioner of Lands Terengganu & Anor*-Isteri dapat $\frac{1}{2}$ bahagian tanah – tanah yang diperolehi semasa perkahwinan dianggap sebagai harta sepencarian *prima facie*.

- Di Perak kes *The Rasim Iwn. Neman* – isteri dapat $\frac{1}{3}$ atas dasar upah. Kes *Lebar Iwn. Niat* – isteri dapat $\frac{1}{2}$ sekiranya turut membantu suami. Kes *Wan Mahatan Iwn Haji Abdul Samat* – isteri dapat $\frac{1}{2}$ walaupun mohon tebus talak dari suami.
- Di kawasan adat perpatih, harta carian laki bini dibahagi dua jika berlaku perceraian, jika berlaku kematian salah satu pihak maka harta sepencarian akan menjadi hak pihak yang masih hidup.

PROSEDUR TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN

BILA BOLEH DIBUAT TUNTUTAN

- Setelah Berlaku Perceraian
- Selepas berlaku kematian salah satu pihak
- Sebelum Pembahagian Harta Pusaka Suami/Isteri dilakukan
- Ketika suami memohon untuk berpoligami

- Boleh dituntut oleh suami atau isteri.
- Tuntutan dibuat di Mahkamah Syariah Negeri-negeri.
- Mahkamah Syariah mempunyai kuasa untuk memerintah pembahagian harta sepencarian seseorang suami isteri selepas berlaku perceraian.
- Mahkamah juga akan memberi perhatian kepada beberapa perkara sebelum menentukan kadar bahagian bekas suami dan isteri terhadap harta tersebut.
- Rujuk Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri, Seksyen 122 dan Seksyen 23.

- Mahkamah Syariah juga boleh dengan perintah mengarahkan Pendaftar atau Pentadbir Tanah bagi menguatkuasakan hukuman atau perintah berkaitan dengan tanah seperti kes harta sepencarian, dan Pendaftar atau Pentadbir Tanah wajib mematuhi perintah itu.

- Pihak yang menuntut perlu memastikan bahawa perkahwinan mereka itu sah menurut hukum syarak dan didaftar di tempat mereka bermastautin mengikut peruntukan yang ditetapkan di dalam undang-undang negeri.
- Pihak yang menuntut perlu membuktikan harta yang dipertikai itu wujud dan diperolehi dalam tempoh perkahwinan mereka – harta bawaan-
- Membuktikan sumbangan pihak yang menuntut – dokumen- 2 saksi lelaki atau seorang lelaki dan dua org perempuan-sumpah-

KAEDAH PENYELESAIAN

- Kaedah *Sulh* iaitu dengan cara berdamai sama ada melalui pengakuan dan penyerahan hak milik kepada satu pihak lagi atau nilai harta yang dipersetujui dibahagi mengikut persetujuan. Persetujuan ini boleh dibuat samada di luar mahkamah atau di hadapan pegawai sulh dan kemudian ianya akan diendors sebagai satu perintah oleh mahkamah.

Sambungan...

- Melalui persetujuan semasa perbicaraan sedang berlangsung. Hakim biasanya akan memberi peluang kepada kedua-dua pihak untuk mencapai persetujuan bersama. Maka persetujuan ini akan diendors sebagai satu perintah Mahkamah.
- Sekiranya kaedah2 tersebut tidak dapat menyelesaikan pertikaian, maka mahkamah akan meneliti setiap keterangan dan penghujahan pihak-pihak. Seterusnya mahkamah akan memutuskan pembahagian harta tersebut melalui perintah mahkamah.

HAK SYUF'AH

- Dalam Islam, tuan punya tanah yang berkongsi atau tuan punya tanah yang berjiran diberi hak keutamaan untuk membeli tanah yang akan dijual oleh rakan kongsi atau jirannya.
- Dilaksanakan oleh Mahkamah Syariah dalam menyelesaikan tuntutan terhadap harta sepencarian jika salah satu pihak berhasrat untuk membeli harta tanah tersebut mengikut harga pasaran.

MEMASUKKAN KAVEAT PERSENDIRIAN

Pada umumnya mempunyai empat fungsi:

1. Ia menyekat atau menghalang pemilik berdaftar daripada membuat urusan niaga berhubung dengan tanahnya,
2. Ia melindungi kepentingan pengkaveat untuk sementara waktu sehingga tuntutan terhadap pemilik berdaftar diputuskan Mahkamah,
3. Ia menjadi notis memberitahu semua orang bahawa pengkaveat mempunyai kepentingan terhadap tanah itu yang sekarang dilindungi oleh kaveat,
4. Ia membekukan keadaan sementara waktu dan dengan itu *status quo* semua pihak tidak berubah sehinggalah mahkamah memutuskan tuntutan pengkaveat.

KES-KES YANG TELAH DIPUTUSKAN

- Kes *Tengah Iwn. Ibrahim*. Ibrahim telah menuntut harta sepencarian yang merupakan sebuah rumah yang dibina atas tanah kepunyaan kedua pihak. Harta dibahagi 3 bahagian, dua suami satu isteri. Isteri tidak puas hati dan merayu ke mahkamah Rayuan, rayuan ditolak. Gaji Ibrahim RM65 sebulan selepas 8 tahun RM120, gaji isteri cabut semai dan tenun kain RM5.
- Tenaga kerja lebih kepada suami.

- Kes *Wan Junaidah bt. Jusoh lwn. Latiff bin Mohd Shah*, hasil jualan 2 lot tanah. Isteri seorang kerani dan bergaji RM 645 manakala suami bergaji RM2000. Duit gaji isteri terus masuk akaun suami. Mahkamah memutuskan hasil jualan dibahagi dua.
- Usaha sama antara pasangan dan harta diperolehi semasa di dalam perkahwinan yang sah.

Sambungan....

- *Kes Robert @ Kamarulzaman lwn. Umi Kalthom*, telah membeli rumah dengan harga RM50,000. Plaintiff menyumbang RM40,000 manakala defenden RM10,000 dan dinamakan atas namanya. Plaintiff menuntut ianya sebagai harta sepencarian namun telah ditolak oleh defenden – hibah – tiada bukti yang jelas ia dihebahkan. Mahkamah memutuskan harta itu sebagai harta sepencarian.
- Mahkamah juga menyatakan bahawa undang-undang tanah tempatan mengenai hak milik yang tidak boleh disangkal tidak menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan harta sepencarian.

Sambungan....

- *Kes Wan Chik bin Wan Abd Kadir lwn. Esah Zakaria & yang lain* – kes waris menuntut bagi pihak ibunya – tuntutan berjaya.
- *Kes Tuan Awang Tuan Mamat & Others lwn. Tuan Alam Tuan Mamat* – Adik beradik sebapa. – Mahkamah menolak tuntutan harta sepencarian plaintif kerana kematian ke dua ibu bapa telah lama berlalu.

Sekian...